



MANUAL PENGGUNA

PENGAMBILAN DAN PENEMPATAN GURU BAHARU (e-Graduan)

Hakcipta Terpelihara © 2014

Kementerian Pendidikan Malaysia



KANDUNGAN

| | | |
|-----|---|-------|
| 1.0 | Pengenalan..... | - 2 - |
| 2.0 | Kategori Pengguna | - 2 - |
| 2.1 | Graduan | - 2 - |
| 2.2 | Pentadbir Sistem | - 2 - |
| 3.0 | URL dan Pelayar (<i>Browser</i>)..... | - 2 - |
| 4.0 | Penyataan Penafian | - 2 - |
| 5.0 | Antara Muka e-Graduan | - 3 - |
| 5.1 | Laman Utama e-Graduan..... | - 3 - |
| 5.2 | Pendaftaran Pengguna..... | - 4 - |
| 5.3 | Log Masuk | - 5 - |
| 5.4 | Lupa Kata Laluan | - 5 - |
| 5.5 | Tukar Kata Laluan..... | - 6 - |
| 6.0 | Log Masuk Mengikut Peranan | - 6 - |
| 6.1 | Graduan | - 6 - |
| 6.2 | Pentadbir Sistem..... | - 7 - |
| 7.0 | Log Keluar..... | - 7 - |

1.0 Pengenalan

e-Graduan merupakan modul baharu bagi Sistem Pengurusan Sekolah (SPS), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah Pengurusan Guru. Modul ini dibangunkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), KPM dan diseliaikan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), dan Sektor Operasi Pendidikan (SOP) KPM.

Modul ini melibatkan proses pengambilan dan penempatan guru baharu yang melibatkan kerjasama beberapa agensi sektor awam iaitu KPM, Suruhanjaya Perkhidmatan Perguruan (SPP), JobsMalaysia, Institut Pendidikan Guru (IPG), dan Universiti Awam (UA).

2.0 Kategori Pengguna

Sasaran pengguna utama modul ini ialah graduan dan pentadbir sistem. Perincian adalah seperti berikut:

2.1 Graduan

- 2.1.1 Hanya graduan yang telah **DIPERAKU** oleh Suruhanjaya Pelajaran Pendidikan Malaysia (SPP) sahaja dibenarkan untuk mendaftar di modul ini, dan;
- 2.1.2 Graduan yang tersenarai di **HEBAHAN** Portal KPM dan e-Graduan sahaja boleh mendaftar di modul ini pada masa yang ditetapkan untuk menyemak dan mengemaskini maklumat yang diperlukan, serta membuat semakan penempatan.

2.2 Pentadbir Sistem

- 2.1.1 Hanya pentadbir sistem yang telah **DILANTIK** oleh KPM sahaja dibenarkan untuk menggunakan modul ini mengikut peranan yang telah ditetapkan.

3.0 URL dan Pelayar (*Browser*)

URL bagi e-Graduan ialah <https://egraduan.moe.gov.my>

Paparan terbaik menggunakan pelayar (*browser*) Internet Explorer (IE) 7 ke atas, Mozilla Firefox 3.0.18 ke atas, atau Chrome dengan paparan 1024 x 768.

4.0 Penyataan Penafian

PENAFIAN: Pengguna aplikasi web bertanggungjawab untuk merahsiakan pengenalan identiti pengguna masing-masing. Kementerian Pendidikan Malaysia tidak bertanggungjawab kepada sebarang masalah yang timbul akibat pencerobohan pengenalan identiti pengguna dan kecuaiian disebabkan oleh pihak pengguna.

5.0 Antara Muka e-Graduan

5.1 Laman Utama e-Graduan



The screenshot shows the main page of the e-Graduan system. At the top, there is a header with the Malaysian coat of arms, the Ministry of Education logo, and the text 'KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA' and 'Modul Graduan Pengurusan Guru'. Below this is a navigation bar with 'SELAMAT DATANG KE MODUL PENGAMBILAN DAN PEN...' and the date '09-Nov-2016 3:54:23 PM'. The main content area is divided into several sections:

- Pengumuman:** A section on the left containing a notice about registration and document submission. A red circle highlights the text: 'Tuan/Puan perlu mendaftar di modul ini terlebih dahulu sebelum membuat pengemaskinian maklumat.' and 'Jika lampiran sijil nikah lebih dari 1, tuan/puan perlu menggabungkan dokumen tersebut dalam format .pdf sebelum memuat naik.'
- Log Masuk:** A login form on the right with fields for 'LoginID', 'Katalaluan', and 'No.KP', and a 'Login' button. A red circle highlights these fields. A callout box labeled 'Log Masuk' points to the form.
- Bantuan:** A section with links for 'Lupa Kata Laluan', 'Tukar Kata Laluan', and 'Pendaftaran Pengguna'. A callout box labeled 'Bantuan' points to these links.
- Paparan Mesej Ralat:** A message box stating 'Pastikan Anda Telah Mendaftar Masuk Untuk Menggunakan Sistem.' A callout box labeled 'Paparan Mesej Ralat' points to this message.
- Manual Pengguna:** A link to 'MANUAL PENGGUNA'. A callout box labeled 'Manual Pengguna' points to this link.
- Hakcipta:** A footer section with 'Hakcipta Terpelihara © 2014. Kementerian Pendidikan Malaysia'. A callout box labeled 'Hakcipta' points to this text.

- 5.1.1 Laman utama e-Graduan memaparkan beberapa maklumat penting iaitu Pengumuman, Log Masuk, Bantuan, Paparan Ralat, Hakcipta dan Penafian. Pengguna boleh memperoleh maklumat terkini dari ruangan pengumuman dan Log Masuk ke e-Graduan dengan memasukkan LoginID, Kata laluan, dan No. KP yang telah didaftarkan.
- 5.1.2 Paparan mesej ralat bertujuan memaklumkan pengguna sekiranya butiran yang dimasukkan di Log Masuk tidak tepat.
- 5.1.3 Bantuan yang disediakan di e-Graduan adalah berkaitan lupa kata laluan, tukar kata laluan, dan pendaftaran pengguna.
- 5.1.4 Manual am pengguna disediakan dalam format .pdf



5.2 Pendaftaran Pengguna

LOG MASUK

LoginID

Kata Laluan

No.KP

[Lupa Kata Laluan](#)
[Tukar Kata Laluan](#)
[Pendaftaran Pengguna](#)

[\[Laman Utama \]](#)

Pendaftaran Pengguna Baru/ Pengguna

Nama : (seperti di kad pengenalan)

No Kad Pengenalan : (cth:790909099090)

ID Pengguna : (8 - 12 aksara)

Kata Laluan :

Pengesahan Kata Laluan :

Emel : (cth:kpm@moe.gov.my)

Tarikh Lahir : (hh/bb/tttt)

Soalan Keselamatan : Sila Masukkan Soalan Keselamatan ▾

Jawapan :

*Mandatori - semua medan wajib diisi dengan lengkap.

Ruangan wajib diisi

- 5.2.1 Pengguna perlu mengisi ruangan ini dengan teliti supaya tiada masalah ketika log masuk ke sistem. Kata laluan, soalan keselamatan dan jawapan perlu diingat oleh pengguna kerana medan ini diperlukan jika hendak menukar kata laluan.
- 5.2.2 Klik butang **SIMPAN** untuk proses pendaftaran. Pengguna boleh terus ke ruangan **LOG MASUK** untuk menggunakan sistem dan butiran pendaftaran dihantar ke alamat emel yang telah diisi.



5.3 Log Masuk

1) Masukkan ID Pengguna, Kata Laluan, dan No. KP

2) Klik di sini

5.3.1 Setelah membuat pendaftaran, pengguna boleh log masuk ke sistem dari **LAMAN UTAMA** dengan memasukkan butiran ID, Kata Laluan dan No. KP. Sekiranya maklumat yang dimasukkan tidak tepat, paparan **MAKLUMAT LALUAN MASUK SALAH** akan dipaparkan. Pengguna perlu memastikan butiran adalah tepat seperti didaftarkan.

5.4 Lupa Kata Laluan


1) Masukkan No. KP

2) Klik di sini

5.4.1 Sekiranya terlupa kata laluan, pengguna boleh mendapatkan semula kata laluan tersebut dengan memilih pautan **Lupa Kata Laluan** yang berada di laman utama e-Graduan. Masukkan No. Kad Pengenalan pada ruangan yang

disediakan. Klik butang **HANTAR**, kata laluan pengguna akan dihantar melalui emel yang telah didaftarkan.

5.5 Tukar Kata Laluan



LOG MASUK

LoginID

Katalaluan

No.KP

Login

[Lupa Kata Laluan](#)
[Tukar Kata Laluan](#)
[Pendaftaran Pengguna](#)

[\[Laman Utama \]](#)

Tukar Kata Laluan

Jika Anda Ingin Menukar Kata Laluan

No Kad Pengenalan :

Soalan Keselamatan : Sila Masukkan Soalan Keselamatan

Jawapan :

Kata Laluan Baru :

Pengesahan Kata Laluan :

Kata Laluan Lama :

HANTAR MENU UTAMA


1) Semua ruangan perlu diisi.

2) Klik di sini

- 5.5.1 Pengguna boleh menukar kata laluan dengan memilih pautan **Tukar Kata Laluan** yang berada di laman utama e-Graduan. Semua ruangan wajib diisi. Maklumat berkaitan soalan keselamatan dan jawapan adalah sama seperti membuat pendaftaran pengguna.

6.0 Log Masuk Mengikut Peranan

6.1 Graduan



[\[Keluar \]](#)

KEMASKINI MAKLUMAT GRADUAN

[Muat Turun Manual Pengguna](#)

Butiran Peribadi

Maklumat Pasangan

Maklumat Kesihatan

Maklumat Pengajian

Maklumat Kokurikulum & Bakat

Maklumat Pekerjaan

Pilihan Negeri Penempatan


Pengesahan Pengakuan

Tab pilihan.

Klik di sini

- 6.1.1 Setelah berjaya log masuk, terdapat paparan bagi nama dan no kp. Terdapat beberapa tab yang disediakan untuk disemak dan dikemaskini. Pautan Muat Turun Manual Pengguna juga disediakan bagi memudahkan pengguna.
- 6.1.2 Tab Semakan Penempatan pula akan dipaparkan setelah hebahan berkaitan semakan dibuat di Portal KPM dan e-Graduan.

6.2 Pentadbir Sistem



6.2.1 Setelah berjaya log masuk, terdapat paparan bagi nama dan no kp. Beberapa menu disediakan di bahagian kiri untuk dipilih mengikut peranan. Pautan Muat Turun Manual Pengguna juga disediakan bagi memudahkan pengguna.

7.0 Log Keluar



7.1 Pengguna diingatkan supaya sentiasa klik pada pautan **Keluar** bagi menamatkan sesi penggunaan sistem. Ini adalah langkah selamat agar tiada pihak yang cuba menyalahgunakan maklumat berkaitan.